

PARLIMEN MALAYSIA  
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN** : Lisan  
**DARIPADA** : Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [ Raub ]  
**TARIKH** : 10 November 2014 (Isnin)  
**SOALAN** : Dato' Mohd Ariff Sabri bin Abdul Aziz [ Raub ] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan :

- (a) setakat manakah tahap pelaksanaan skim menanam semula pokok buah-buahan dan penstrukturan semula dusun tradisional dijalankan; dan
- (b) berapakah bajet yang diperuntukkan untuk pemilik dusun tradisional untuk menggalakkan mereka menanam baka-baka pokok buah-buahan yang mempunyai harga pasaran yang lebih tinggi.

**JAWAPAN :**

- a) Sejak dilancarkan oleh YB Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani bagi Program Bantuan Tanam Semula Pokok Buah-Buahan Terpilih Peringkat Kebangsaan pada 23 Mac 2014 di Ulu Dong, Raub, Pahang, seramai 7,338 peserta dengan keluasan 5,962

hektar telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, pengedaran benih tanaman, bahan input pertanian dan peralatan pertanian telah diberikan kepada 476 peserta dengan melibatkan 435.11 hektar kawasan dusun di seluruh negara.

- b) Sebanyak RM22 juta telah diperuntukan untuk melaksanakan Program Bantuan Tanam Semula Pokok Buah-buahan Terpilih dalam tempoh 3 tahun.